

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Dalam bidang pengkajian sejarah ekonomi di Malaya, penelitian dan penyelidikan terhadap pentadbiran kewangan sama ada di peringkat negeri mahu pun di peringkat Persekutuan tidak diberi perhatian sewajarnya oleh pengkaji-pengkaji tempatan mahupun pengkaji antarabangsa. Pengkajian terhadap pentadbiran kewangan khususnya belanjawan boleh memberi kefahaman jitu dan mendalam mengenai struktur asas ekonomi negeri dalam konteks ekonomi pasaran yang lebih global.

Dengan memahami struktur asas ekonomi yang terpendam dalam data pentadbiran kewangan, baharu sahaja sesuatu penilaian yang berkesan terhadap polisi-polisi Pentadbiran Kolonial dapat dilakukan. Dalam bidang sejarah ekonomi, biasanya percaturan, persaingan dan kerjasama politik berlaku di antara pelbagai jenis dan bentuk golongan pemodal, kesatuan sekerja dan pelbagai bentuk pertubuhan, golongan aristokrat, golongan pembesar dan kerabat di raja, golongan pegawai-pegawai tadbir British dan juga golongan pentadbir tempatan sama ada di

peringkat negeri mahupun di peringkat Pentadbiran Kolonial Persekutuan.

Semua kajian yang berhubung dengan perkara ini biasanya dilakukan oleh sejarahwan yang tidak pernah mengambil kira soal belanjawan setiap negeri atau negara yang dikaji. Perkara yang sama juga berlaku dalam bidang sosial, dimana ahli-ahli sains sosial juga cuba memahami perubahan sosial tanpa mengerti akan peranan belanjawan kolonial dalam menentukan arah tuju dan kepesatan perubahan sosial yang berlaku.

1.1 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat struktur pentadbir kewangan British di negeri Johor dari tahun 1896 hingga 1957. Objektif ini cuba dicapai dengan cara melihat kembali data-data asas belanjawan yang selama ini diabaikan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Pendekatan sebegini dilakukan bagi menghindarkan persoalan-persoalan yang selalu atau sering dikemukakan oleh pegawai-pegawai kolonial yang rata-ratanya cuba menjawab isu-isu pertumbuhan dan pembangunan ekonomi setempat dalam Laporan Tahunan mereka. Rekod-rekod atau tulisan-tulisan resmi dalam Laporan Tahunan ini boleh menimbulkan kekeliruan kepada pengkaji, kerana maklumat yang dikemukakan adalah bertujuan untuk menyampaikan prestasi kemajuan sesebuah jabatan atau negeri kepada

pihak atasan yang lebih tinggi di Pejabat Kolonial London.

Dengan mengumpul, menyusun kembali dan menganalisa data-data belanjawan tahunan negeri dalam tempoh masa yang agak panjang iaitu dari tahun 1911 hingga 1957, baharu sahaja dapat difahami akan struktur pentadbiran kewangan kolonial yang sentiasa berubah dan sekali gus dapat memahami realiti sejarah ekonomi yang berlaku di negeri Johor.

1.2 Kajian Terdahulu

Wong Lin Ken, sejarahwan ekonomi Malaysia yang terkenal dalam tulisannya yang berjodol *"Twentieth-Century Malayan Economic History: A Select Bibliographic Survey"*, pada tahun 1979 telah menyatakan bahawa, "*Twentieth-century Malayan economic history is best studied within the perspective of the economic development of Malaya, embracing the whole span of British rule and large part of the independent years*"¹. Pandangan ini telah diterima oleh ramai ahli-ahli sejarah tempatan. Bagaimanapun pengkaji merasakan kajian tidak sepatutnya tertumpu kepada skala Malaya, tetapi mesti menjalankan kajian yang mendalam di peringkat negeri. Ini disebabkan gambaran untuk Malaya mengaburi realiti yang sebenar, di mana terdapat banyak

perbezaan di antara sebuah negeri dengan negeri yang lain di Malaya.

Secara umum sejarah ekonomi Malaya/Malaysia boleh dibahagikan kepada dua kumpulan. Pertama, yang membincangkan pembangunan ekonomi Malaya/Malaysia secara umum seperti pola perkembangan, tahap dan arah perkembangan, isu-isu kelembapan pembangunan ekonomi dan lain-lain yang bersifat nasional. Kedua, pengkajian yang lebih khusus atau menjurus kepada satu-satu sektor ekonomi Malaya/Malaysia.

Antara mereka yang tergolong dalam kumpulan pertama termasuklah karya Lim Chong Yah yang bertajuk **Economic Development of Modern Malaya**² yang diterbitkan pada 1967 dan P.P. Courtenay yang berjodol **A Geography of Trade and Development in Malaya**³ yang telah diterbitkan pada 1972. Penerbitan-penerbitan yang lebih khusus yang dikendalikan oleh ahli ekonomi yang menggunakan sumber-sumber sejarah antara lain termasuklah David Lim yang menghasilkan buku berjodol **Economic Growth and Development in West Malaysia, 1947 - 1970**⁴ dan Lee Soo Ann yang menghasilkan karya bertajuk **Economic growth and the Public Sector in Malaya and Singapore, 1948 - 1960**.⁵ Kedua buah buku tersebut memberi tumpuan

kepada keadaan pembangunan ekonomi selepas Perang Dunia Kedua yang seiring dengannya telah mengkaji akan polisi-polisi awam pada tempoh masa tersebut. Semua pengkaji yang dinyatakan di atas menjalankan penyelidikan di peringkat skala Malaya.

Apabila tumpuan dialihkan kepada sektor-sektor ekonomi yang lebih menjurus, didapati perhatian pengkaji-pengkaji lebih cenderung kepada sektor tanaman getah dan sektor perlombongan bijih timah yang merupakan komoditi eksport utama negara ini. Dalam sektor tanaman getah, J.H. Drabble telah menulis dalam bukunya berjodol **Rubber in Malaya, 1876 - 1922: The Genesis of the Industry**.⁶ Buku ini amat sesuai untuk melihat perkembangan perusahaan getah di Malaya pada peringkat awal. Selepas Perang Dunia Kedua seorang pengkaji lain, Colin Barlow telah menulis mengenai industri getah di Malaysia. Buku beliau telah dijodolkan sebagai **The Natural Rubber Industry: Its Development, Technology, and Economy in Malaysia**.⁷ Dalam sektor perlombongan bijih timah, Yip Yat Hong telah menulis sebuah buku bertajuk **The Development of Tin Mining Industry of Malaya**.⁸ Buku ini membincangkan perkembangan industri bijih timah di Malaya dari peringkat permulaan sehingga ke awal tahun-tahun 1960an. Semua

pengkaji di atas memperlihatkan pola yang serupa, iaitu mengkaji sesuatu sektor di peringkat nasional.

Dalam kajian di peringkat negeri Johor, sebahagian besar pengkaji merupakan ahli sejarah. Ahli-ahli sejarah yang ada pada waktu itu terikat dalam cengkerangnya sendiri iaitu hanya meneliti aspek pentadbiran, politik, sosial dan budaya. Pengkaji yang meneliti sejarah awal negeri Johor antara lain ialah Leonard Y. Andaya yang menulis buku berjodol **The Kingdom of Johore, 1641 - 1728**⁹ dan Carl.A. Trocki dalam bukunya bertajuk **Prince of Pirates: The Temenggongs and the Development of Johore and Singapore, 1784 - 1885**.¹⁰ Bagi sejarah moden sekitar abad ke 20, terdapat seorang pengkaji bernama Christopher Gray yang telah menulis karya bertajuk "Johore 1910-1940: The Studies in the colonial process".¹¹ Karya ini merupakan disertasi ijazah kedoktoran yang tidak diterbitkan.

Terdapat beberapa hasil kajian yang diterbitkan dalam Bahasa Melayu yang dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji tempatan. Antaranya termasuklah Ahmad Fawzi Basri yang menghasilkan **Johor 1855 - 1917: Pentadbiran dan Perkembangannya**¹² dan Abdul Malik Munip yang menghasilkan **Perkembangan-Perkembangan di Muar,**

Johor 1884 - 1920.¹³

Semua kajian mengenai Johor yang dinyatakan di atas, tidak langsung menyentuh atau berteraskan sejarah ekonomi negeri tersebut. Hasil kerja yang paling hampir yang dapat digunakan oleh pengkaji-pengkaji sejarah ekonomi Johor, adalah karya Shaharil Talib yang berjodol "Global History at the Local Level: Batu Pahat District, Johor 1900-1941".¹⁴ Karya ini hanya menumpukan kepada sebuah daerah di Johor sahaja, yang bertindak balas terhadap ekonomi pasaran global.

Pada awal tahun 1990an, Jabatan Pengajian Asia Tenggara telah menemukan sesuatu yang baru. Pengkaji-pengkaji di Jabatan tersebut telah berjaya menggunakan kaedah sejarah dalam menemukan realiti sejarah. Mohammad Raduan Mohd Ariff dalam penyelidikan ijazah kedoktorannya yang bertajuk **Dari Pemungutan Tripang Ke Penundaan Udang: Satu Kajian Mengenai Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan Di Borneo Utara 1750-1990**,¹⁵ telah memperlihatkan hubungan yang sangat rapat di antara pasaran, pemodal, teknologi, buruh dan pemerintah di dalam perkembangan sektor perikanan.

Pada tahun 1995, Hanizah Idris dalam kajian sarjananya yang

bertajuk "Pembangunan dan Perkembangan Infrastruktur Pelabuhan Singapura, 1819 - 1941",¹⁶ melalui penganalisaan belanjawan Singapura mendapatkan bahawa Pelabuhan Singapura bukanlah merupakan pelabuhan semula jadi tetapi merupakan pelabuhan yang dibangunkan kerana adanya teknologi. Sementara itu Siti Khajar Md.Shah dalam kajian beliau bertajuk "Sejarah Pertahanan Pulau Singapura dan Wilayahnya, 1819-1927",¹⁷ melalui belanjawan Singapura mendapatkan kekuatan pertahanan Singapura adalah disebabkan belanjawan yang amat besar digunakan untuk pembangunan ketenteraan dan persenjataan pulau tersebut. Hasil kedua kajian tersebut tidak akan dapat diketahui tanpa mengkaji secara mendalam akan pentadbiran kewangan British di Singapura.

Pada masa ini kajian yang hampir serupa sedang berjalan, iaitu dengan menggunakan pendekatan data pentadbiran kewangan British mereka cuba mengembalikan semula paksi sejarah kepada realiti. Rohana Padzil dalam kajiannya bertajuk "Sejarah Perbekalan Air Singapura, Johor dan Melaka 1824-1956",¹⁸ mendapatkan menerusi belanjawan bagaimana air digunakan oleh Singapura untuk tujuan perdagangan, sementara sumber air yang sama digunakan oleh Johor untuk pembangunan bandar dan Melaka pula menggunakan sumber air

yang sama untuk pembangunan pertanian. Hasmah Mat Saat dalam kajian beliau bertajuk "Sejarah Gereja di Negeri-negeri Selat",¹⁹ menerusi belanjawan negeri, mendapati Pentadbiran Kolonial British memainkan peranan penting dalam perkembangan ugama Kristian di Negeri-negeri Selat. Yunus Lubega Butanaziba dalam kajian beliau bertajuk "Technical Assistance and Malaysian Development Planning, 1945-1970",²⁰ mendapati cara bagaimana Persekutuan Tanah Melayu melalui pinjaman kewangan daripada institusi-institusi antarabangsa membangunkan negara. Sementara itu Jiram Jamit dalam kajiannya bertajuk "Perkembangan Pentadbiran Kewangan di bawah Sistem Residen di Brunei 1906-1959",²¹ melalui belanjawan mendapati bagaimana arah dan tahap pembangunan negara Brunei Darussalam ditentukan sepenuhnya oleh struktur pentadbiran kewangan British.

Kajian langsung mengenai salah satu sektor ekonomi negeri Johor telah dilakukan oleh Shiho Kato yang bertajuk, "Syarikat Perlombongan Jepun di Malaya Sebelum Perang Dunia Kedua".²² Beliau menumpukan perhatian kepada persoalan perlombongan setelah mendapat garis panduan daripada maklumat belanjawan negeri Johor. Daripada data belanjawan tersebut didapati negeri Johor merupakan salah sebuah

pembekal utama bijih besi ke Jepun sebelum perang dunia kedua.

Di atas kesedaran akan kembalinya paksi sejarah ke lokasi realiti yang sebenar, di samping pendekatan baru yang melihat belanjawan negeri sebagai satu kaedah penyelidikan yang meyakinkan, kajian ini akan memberi perhatian kepada perkembangan ekonomi negeri Johor 1896 - 1957.

1.3 Struktur Tesis

Kajian ini merupakan penyelidikan mengenai pentadbiran kewangan di Johor dalam kontek ekonomi pasaran. Struktur tesis ini akan memaparkan ekonomi pasaran Johor moden dari sudut eksport dan import, pemodal dan demografi. Perbincangan ini akan membahagikan tempoh masa kajian 1896-1957 kepada enam tahap, berdasarkan kepada pola-pola pasaran. Dengan kata lain kajian perbelanjawan ini akan diletakkan dalam kontek perubahan pola pasaran. Kajian pentadbiran kewangan secara spesifik akan melibatkan Pentadbiran Kolonial, pendapatan negeri, perbelanjaan negeri dan pengurusan kewangan.

Kajian ini akan dibahagikan kepada lapan bab. Bab I merupakan Bab Pengenalan yang akan membicarakan objektif kajian, kajian terdahulu dan signifikan kajian ini, struktur tesis dan sumber

penyelidikan. Hasil penyelidikan sebenar akan dibincangkan dari Bab II hingga Bab VII. Bab IX merupakan Bab Kesimpulan yang akan merumuskan akan hasil penemuan kajian ini.

Bab II bertajuk "Kelumpuhan dan Pemulihan Pentadbiran Kewangan Negeri Johor, 1896-1913". Bab ini akan memperlihatkan kedudukan kewangan negeri Johor yang sedang menanggung hutang. Kemasukan Pentadbiran Kolonial telah mengubah struktur pentadbiran kewangan yang disesuaikan kepada keadaan ekonomi pasaran.

Bab III, bertajuk "Mekanisma Pentadbiran Kewangan Kolonial dalam Ekonomi Johor, 1914-1928". Bab ini akan membicarakan kedudukan ekonomi Johor dalam keadaan yang amat menggalakkan. Ekonomi dunia yang berkembang pesat telah mempengaruhi perdagangan, pelabuhan dan demografi negeri Johor. Dalam tempoh masa ini pendapatan dan perbelanjaan meningkat. Bagaimanapun yang lebih penting, pada masa ini negeri Johor telah menyelesaikan hutangnya dan berjaya menghasilkan lebihan kewangan.

Kemakmuran yang dikecapi dalam masa yang lalu tidak berterusan pada tahap seterusnya. Dalam Bab IV yang bertajuk, "Pentadbiran Kewangan Johor Dalam Kemelesetan Ekonomi, 1929-

1932", akan membincangkan keadaan ekonomi Johor dalam kontek Kemelesetan Ekonomi Dunia. Dalam tempoh ini, eksport dan import negeri Johor berkurangan yang seterusnya mengurangkan pendapatan negeri. Pendapatan negeri yang berkurangan mendesak pentadbir kewangan British melaksanakan polisi kewangan berjimat cermat. Bagaimanapun yang lebih menarik, pentadbir kewangan British masih mampu meneruskan pengumpulan lebihan kewangan.

Selepas kemelesetan ekonomi dunia dan sebelum perang dunia kedua, keadaan ekonomi Johor berada dalam keadaan yang amat stabil. Ini akan dibincangkan dalam Bab V yang bertajuk "Kemantapan Pentadbiran Kewangan Kolonial, 1933 - 1941". Kestabilan ekonomi ini membolehkan pentadbiran kewangan British meneruskan pengumpulan lebihan yang lebih lumayan dan membuat pelaburan di tempat dan waktu yang menguntungkan.

Bab VI yang berjodol, "Pentadbiran Kewangan *Gunseikanbu* di Negeri Johor, 1942 - 1945", akan membincangkan keadaan ekonomi semasa Perang Dunia Kedua, yang mana negeri Johor berada di bawah pentadbiran Jepun. Bab ini akan memperlihatkan bagaimana pentadbiran kewangan Jepun melaksanakan tugas mereka dalam keadaan perang

yang serba kekurangan, di samping tiadanya wang lebihan sistem pentadbiran British yang ditinggalkan.

Selepas Perang Dunia Kedua tamat, semua negeri-negeri Melayu termasuk Johor digabungkan dalam sistem pemerintahan Persekutuan, pertama di bawah *British Military Administration*, kedua *Malayan Union* dan akhirnya di bawah Persekutuan Tanah Melayu. Semua ini akan dibincangkan dalam bab BabVII yang bertajuk "Pentadbiran Kewangan Persekutuan Tanah Melayu Di Negeri Johor, 1946-1957".

1.4 Sumber Penyelidikan

Penulisan kajian ini sebahagian besarnya bergantung kepada data-data primari yang diperolehi dalam bentuk manuskrip, bahan bercetak dan juga dalam bentuk mikrofilem. Bahan-bahan tersebut tersimpan di beberapa tempat antara lainnya di Arkib Negara Kuala Lumpur, Arkib Negara Cawangan Johor, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Undang-undang Universiti Malaya, Perpustakaan Jabatan Geografi Universiti Malaya dan Perpustakaan Ibu Pejabat Kementerian Pertanian. Selain daripada itu bahan-bahan sekunder dalam

bentuk buku dan artikel juga digunakan dalam kajian ini.

Berdasarkan kepada kerangka tesis, berlainan bahan primari digunakan pada berlainan sub tajuk dalam setiap bab tesis. Bagi mengkaji keadaan pasaran negeri Johor, khususnya 1913-1939 bahan-bahan seperti *Annual Report Johore* dan *Financial Commissioner's Office Records* telah banyak membantu. Walaupun pengkaji cuba seberapa boleh untuk mendapatkan maklumat mengenai negeri Johor secara terasing, semasa negeri itu bergabung di bawah Persekutuan Tanah Melayu 1948-1957, namun demikian pengkaji tidak berjaya memperolehinya. Ini disebabkan kebanyakan data telah disatukan sebagai data Persekutuan. Bagaimanapun maklumat mengenai jumlah keluasan negeri Johor berbanding dengan negeri-negeri lain di Tanah Melayu dalam usaha penanaman getah, kelapa sawit, nenas dan kelapa dapat memberikan anggaran ataupun gambaran yang membantu pengkaji terus mempercayai pentingnya Johor dalam ekonomi Malaya.

Bagi maklumat mengenai pemodal, khususnya yang berhubung dengan pemilikan tanah dan ethnik dalam tempoh masa 1910-1951, data-data seperti *Commissioner Lands and Mines, Johore, 1910-1947*, *Annual Report Johore, Johore Planter's Association Annual*

Reports, Malayan Agricultural Statistics, 1931-1951 dan *Annual Report Department of Agriculture Johore, 1910-1939* telah digunakan. Data yang berhubung dengan demografi diperolehi daripada data-data *Population Census, 1911, 1921, 1931, 1947 dan 1957*.

Bagi memahami polisi, struktur dan tata cara Pentadbiran Kolonial British bertindak dan pengurusan kewangan termasuk pendapatan negeri, perbelanjaan negeri dan lebihan kewangan dalam tempoh masa 1895-1957 diperolehi daripada *Public Records Office, Great Britain, Colonial Office siri -siri 273 Vol.128-328 (1867-1939), C.O 717 Vol.1-210 (1920-1950)* dan *C.O 1022 No.473 (1952-1953)*. Semua bahan-bahan ini tersimpan dalam bentuk mikrofilem. Selain daripada itu bahan-bahan seperti *High Commissioner's Office 1896-1942, General Adviser Johore 1910-1939, Financial Commissioner's Office Johore 1910-1957, Annual Report Johore, 1911-1939* dan *Annual Report Custom's Department Johore, 1911-1939, Financial Statements, State of Johore, 1948-1957* dan *Financial Statement, Federation of Malaya, 1948-1957, Report of the Auditor-General on The Accounts of The Federation of Malaya, 1948-1957* dan *Report of the Acting Auditor-General on The Accounts of the State of Johore, 1948-1957*, turut juga

digunakan.

Bahan-bahan yang merujuk kepada zaman pentadbiran Jepun di Malaya amnya dan Johor khususnya amatlah terhad. Antara bahan-bahan yang digunakan bagi membentuk tulisan ini termasuklah fail-fail yang tertulis di bawah tajuk Menteri Besar Johore 1942-1945, *Financial Commissioner's Office Johore, Commissioner's Lands and Mines Johore, 1910-1947* dan *British Military Administration, 1944-1947*.

Penulisan yang merujuk kepada zaman Persekutuan Tanah Melayu amat bergantung kepada *Annual Report Federation of Malaya, 1948-1957*, *Financial Statements, Federation of Malaya, 1948-1957*, *Financial Statements, State of Johore, 1948-1957*.

Kajian ini terpaksa melihat atau meninjau bahan yang agak banyak kerana sifat bahan tersebut tidak mengumpulkan segala maklumat yang dikehendaki dalam satu siri fail atau dokumen tertentu. Penyelidikan bertambah sulit lagi disebabkan sehingga kini masih tidak terdapat satu *statistical directory* yang mengandungi data yang merujuk kepada eksport-import dari segi jumlah, nilai, jenis, destinasi dan sebagainya.

Selain daripada keadaan di atas, data-data yang ditemui

tidak tersusun dalam keadaan seragam. Satu-satu data dikumpul dan dipersembahkan berlainan dari satu masa ke masa yang lain. Ini amat menyulitkan apabila data negeri tidak ditunjukkan selepas terbentuknya pengumpulan data di peringkat Persekutuan. Bagaimanapun masa yang panjang telah pengkaji gunakan untuk mengumpul, menapis, menyeragam, menyemak, menganalisa dan megupasnya secara terliti dan berulangkali.

NOTA KAKI

1. Wong Lin Ken, "Twentieth-Century Malayan Economic History: A Select Bibliographic Survey", **Journal of Southeast Asian Studies**, Singapore, 1979, hal:3. Sila rujukan juga karya awal yang berjodol "The Economic History of Malaysia: A Bibliographic Essay", **Journal of Economic History**, 1965, hal:244-262.
2. Lim Chong Yah, **Economic Development of Modern Malaya**, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1967.
- 3.P.P. Courtenay, **A Geography of Trade and Development in Malaya**, London, G.Bell & Sons, 1972.
- 4.David Lim, **Economic Growth and Development in West Malaysia, 1947 - 1970**, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1974.
5. Lee Soo Ann, **Economic Growth and the Public Sector in Malaya and Singapore, 1948 - 1960**, Singapore, Oxford University Press, 1981.
6. John H. Drabble, **Rubber in Malaya 1876 - 1922: The Genesis of the Industry**, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1973.
- 7.Colin Barlow, **The Natural Rubber Industry: Its Development, Technology, and Economy in Malaysia**, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1978.
8. Wong Lin Ken, **The Malayan Tin Industry to 1914**, Tucson, University of Arizona Press for the Association of Asian Studies, 1965.
- 9.Leonard Y. Andaya, **The Kingdom of Johore, 1641 - 1728**, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1975.
- 10.Carl.A.Trocki, **Prince of Pirates: The Temenggongs and the Development of Johor and Singapore, 1784 - 1885**, Singapore, Singapore University Press, 1979.
- 11.Christopher Gray, "Johore 1910 - 1940: The Studies in The Colonial Process", Tesis Ijazah Kedoktoran, Yale University, 1980.
- 12.Ahmad Fawzi Basri, **Johore 1855-1917: Pentadbiran dan Perkembangannya**, Petaling Jaya, Fajar Bakti, 1974.

13. Abdul Malek Munip., **Perkembangan-perkembangan di Muar, Johor 1884 - 1920**, Monograph Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Penerbit Universiti Malaya, 1975.
14. Shaharil Talib "Global History at the Local Level: Batu Pahat District, Johor 1900 - 1941", Kyoto, The Center for Southeast Asian Studies, Kyoto University, 1990. (Tidak Diterbitkan)
15. Mohammad Raduan Mohd Ariff, **Dari Pemungutan Tripang Ke Penundaan Udang: Satu Kajian Mengenai Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan Di Borneo Utara 1750 - 1990**, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 1995.
16. Haniza Idris "Pembangunan dan Perkembangan Infrastruktur Pelabuhan Singapura, 1819 - 1941", Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1995.
17. Siti Khajar Md. Shah, "Sejarah Pertahanan Pulau Singapura dan Wilayahnya, 1819-1927" Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, 1995.
18. Rohana Padzil, "Sejarah Perbekalan Air Singapura, Johor dan Melaka 1824 - 1956", Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (Peringkat Persiapan), 1997.
19. Hasmah Mat Saat, "Sejarah Gereja di Negeri-negeri Selat", Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, (Peringkat Persiapan), 1997.
20. Yunus Lubega Butanaziba, "Technical Assistance and Malaysian Development Planning 1945 - 1970", Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, (Peringkat Persiapan), 1997.
21. Jiram Jamit, "Perkembangan Pentadbiran Kewangan di bawah Sistem Residen di Brunei 1906 - 1959" Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, (Peringkat Persiapan), 1997.
22. Shiho Kato, "Syarikat Perlombongan Jepun di Malaya Sebelum Perang Dunia Kedua", Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1992.